

(25.9.2007)

Tradewinds beli hotel di Bosnia RM15.5j

KUALA LUMPUR 24 Sept. - Tradewinds Corporation Bhd. (Tradewinds), menerusi anak syarikat milik penuhnya, TCB Wakil Sdn. Bhd. (TCB Wakil) bercadang mengambil alih sebuah syarikat pelancongan milik kerajaan Bosnia.

Tradewinds dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini berkata, syarikat itu bercadang mengambil alih 99.71 peratus pegangan dalam Bristol Mixed Hotel-Tourism and Trade Co. Ltd. (Bristol Mixed) bernilai RM15.5 juta.

Tradewinds merupakan salah

sebuah syarikat pengendali hotel terbesar di Malaysia, manakala

Bristol Mixed merupakan syarikat pemaju hotel di Bosnia yang dimiliki oleh kerajaan Bosnia.

TCB Wakil juga bersetuju menyiapkan pembinaan sebuah hotel yang ketika ini sedang dimajukan oleh Grand Hotel Bristol Ltd. (GHB) di Sarajevo dengan kos keseluruhan berjumlah RM54.3 juta.

Aktiviti utama GHB merangkumi perniagaan hotel, pelancongan dan perdagangan. GHB memiliki sebuah hotel empat bintang di

Bosnia.

"Cadangan pengambilalihan ini akan membolehkan pihak kami (Tradewinds) memiliki aset strategik di Bosnia.

"Kami juga berpeluang meneroka industri pelancongan di Eropah dan mengembangkan perniagaan hotel Malaysia di peringkat antarabangsa," kata syarikat tersebut.

Menurut Tradewinds, ketika ini hanya terdapat empat buah hotel bertaraf lebih daripada empat bintang di Bosnia dan satu yang bertaraf perkongsian antarabangsa.